



## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI NANAS MALAYSIA 2024

#### **ALOR BUKIT, JOHOR - 27 JUN 2024**

Majlis Sambutan Hari Nanas Malaysia 2024 telah berlangsung dengan meriah di Alor Bukit, Johor pada 27 Jun 2024. Majlis ini dirasmikan oleh Yang Berusaha Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Tuan Haji Sheikh Umar Bagharib bin Ali, bersama-sama dengan Ketua Pengarah LPNM, Encik Mohd Khairuzamri bin M. Salleh, dan seluruh warga kerja LPNM.

Dalam ucapannya, Tuan Haji Sheikh Umar menzahirkan rasa syukur dan penghargaan atas kehadiran semua pihak yang menjayakan majlis ini. Beliau menekankan bahawa Sambutan Hari Nanas Malaysia bukan sahaja untuk mengenang kejayaan yang telah dicapai dalam industri nanas, tetapi juga untuk memperkukuhkan hubungan antara semua pihak yang terlibat. Industri nanas, menurut beliau, telah memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara dengan menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup komuniti luar bandar melalui inovasi dan teknologi.

Tahun 2023 menyaksikan perkembangan memberangsangkan dalam industri nanas dengan peningkatan nilai eksport industri nanas kepada RM5.7 bilion, manakala pengambilan produk nanas per kapita negara mencapai 12.2kg/tahun, menunjukkan kadar sara diri (SSR) melebihi 102%.

Turut disampaikan pada majlis ini adalah penyampaian *Mockup Cheque* kepada 9 wakil penerima daripada kalangan pengusaha di pelbagai segmen di dalam industri nanas bagi Projek Pembangunan LPNM Tahun 2024 antaranya adalah;

1. **Pengukuhan Tanaman Nanas Bernilai Tinggi** – RM 14,000,000.00
2. **Pemodenan Dan Pemerkasaan Bagi Industri Nanas Berimpak Tinggi Malaysia Timur** – RM 12,000,000.00
3. **Pengeluaran Benih Nanas** – RM 2,000,000.00
4. **Transformasi Teknologi Dan Pengurusan Tanaman Nanas** – RM 1,000,000.00

5. **Program Pemerksaan Fasiliti IAT Nanas (FIN)** – RM 250,000.00
6. **Program Penerokaan Akses Pasaran Industri Nanas Global** – RM 2,500,000.00
7. **Program, Pembangunan Industri Produk Nanas Berinovasi** – RM 1,250,000.00
8. **Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan** – RM 5,600,000.00
9. **Program Khidmat Pemasaran KPKM (Ladanag Kontrak 2.0 LPNM)** – RM 600,000.00

Sambutan ini turut diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti acara perkhemahan, Pineapple Fun Run, Pineapple Ditch Fishing, Pineapple Agro Challenge, dan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja bertujuan untuk memeriahkan sambutan tetapi juga untuk memupuk semangat kerjasama dan kebersamaan di kalangan peserta. Sebanyak 11 acara telah diadakan sepanjang tiga hari bermula 27 hingga 29 Jun 2024, dengan jumlah penyertaan dijangka melebihi 1,500 orang.

Antara acara yang diadakan adalah:

1. **Perasmian Hari Nanas Malaysia 2024** – Dihadiri oleh 550 orang.
2. **Kenduri Rakyat** – Menampilkan 9 menu berasaskan nanas seperti Daging Goreng Nanas, Ayam Sambal Nanas, dan Puding Trifle Nanas.
3. **Town Hall LPNM** – Disertai oleh 200 orang.
4. **Pineapple Flying Fox Mobile** – Acara terbuka.
5. **Pineapple Scout Camping** – Disertai oleh 110 orang pengakap.
6. **Pineapple Colouring Competition** – Disertai oleh 60 kanak-kanak.
7. **Pineapple Carving** – Disertai oleh 10 orang.
8. **Pineapple Agro Challenge (Tertutup LPNM)** – Disertai oleh 105 orang.
9. **Pineapple Fun Run** – Disertai oleh 255 orang, merangkumi larian sejauh 4 km dari kawasan kampung hingga ke ladang nanas.
10. **Pineapple Ditch Fishing** – Disertai oleh 40 orang, diadakan di Taman Agroteknologi Nanas.
11. **Pineapple Agro Challenge (Terbuka)** – Disertai oleh 80 orang.

Pineapple Agro Challenge memberikan pengalaman unik kepada peserta untuk menerokai dunia nanas selama 2 jam, termasuk aktiviti pengurusan tanaman nanas dan mengenali pelbagai varieti nanas. Pineapple Fun Run pula mendapat penyertaan paling ramai dan menjanjikan persaingan sengit antara peserta.

Pineapple Scout Camping yang diselia oleh Pengakap Kluang, membawa 110 orang pengakap untuk melaksanakan pelbagai aktiviti di ladang nanas selama tiga hari. Pineapple Ditch Fishing menawarkan pengalaman memancing di dalam ladang nanas dengan pelbagai jenis ikan seperti haruan, puyu, keli, dan talapia.

Sambutan Hari Nanas Malaysia 2024 diadakan di Taman Agroteknologi Nanas, ladang seluas 300 ekar milik LPNM di Pekan Nanas, Pontian, Johor. Sambutan ini diharapkan dapat memperkenalkan Hari Nanas Malaysia kepada masyarakat, mengeratkan hubungan antara LPNM dan masyarakat sekitar, serta memperkenalkan kepelbagaian varieti dan menu berasaskan nanas. LPNM merancang akan menjadikan Sambutan Hari Nanas Malaysia

sebagai sambutan Dwi-tahunan yang akan disambut pada setiap 27 Jun bersamaan dengan Sambutan Hari Nanas Sedunia. Tahun 2024 merupakan tahun memperkenalkan Hari Nanas Malaysia kepada masyarakat dengan pelbagai bentuk publisiti dan kempen melalui siri Jelajah Hari Nanas Malaysia yang dijalankan di seluruh negara. Tahun 2025 akan menjadi tahun pertama sambutan Hari Nanas Malaysia dan dijangkakan akan disambut secara lebih besar dan meriah.

Dengan semangat dan komitmen yang ditunjukkan, diharapkan industri nanas di Malaysia akan terus berkembang maju dan memberi manfaat besar kepada negara.

**xxx TAMAT xxx**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Pegawai Untuk Dihubungi :  
Ketua Unit Komunikasi Korporat LPNM  
Ary Putra bin Tajuddin  
0135670428